



## **TEKS UCAPAN**

**Yang Berhormat  
Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia  
Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah  
Dato Paduka Haji Awang Othman  
*Menteri Hal Ehwal Ugama***

**Simposium 30 Tahun Pendidikan Tahfiz Al-Quran  
Di Negara Brunei Darussalam**

**Pada Hari Khamis,  
05hb Muharram 1446H / 11hb Julai 2024M**

**Bertempat Dewan Auditorium,  
Balai Khazanah Islam Sultah Haji Hassanal Bolkiah,  
Negara Brunei Darussalam**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَبِهِ نَسْتَعِينُ عَلَى أُمُورِ الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ  
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

*Alhamdulillah.* Dengan rahmat serta izin Allah Subhanahu wa Ta'ala hajat kepimpinan Institut Tahfiz Al-Qur'an Sultan Haji Hassanal Bolkiah, untuk mengadakan *Simposium 30 Tahun Pendidikan Tahfiz Al-Qur'an di Negara Brunei Darussalam* telah disampaikan hari ini, dengan tema "*Memperkasa Pendidikan Tahfiz Al-Qur'an di Negara Brunei Darussalam*". Dan kita bersyukur kerana sempat menghadirinya di sini.

2. Setentunya tiga puluh tahun itu merujuk kepada tempoh usia kewujudan Institut atau Ma'had Tahfiz Al-Qur'an Sultan Haji Hassanal Bolkiah dihitung dari mula ditubuhkan dan beroperasi pada 1hb Januari 1993. Ia ditubuhkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai sumbangan peribadi Baginda sendiri, dan dengan titah Baginda jua "*ianya akan terletak di bawah Kementerian Pendidikan sebagai satu komplementari bagi melahirkan tenaga pengajar yang hafaz Al-Qur'an*".

3. Namun pada tahun 2006 Institut Tahfiz tunggal negara kita dititahkan pula untuk dikendali dan diuruskan di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama, dengan mencantumkan semua program dan pengajian Al-Qur'an yang ada di Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Qur'an Kementerian Hal Ehwal Ugama ke dalam Institut Tahfiz Al-Qur'an Sultan Haji Hassanal Bolkiah "*supaya ia akan berperanan lebih tepat dengan keperluan negara dari segi pengajian Al-Qur'an di samping melahirkan rakyat yang hafaz Al-Qur'an*".

4. Sangat penting pula diristakan sekarang bahawa sebelum diserahkan untuk dikendali-urus di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama itu Institut Tahfiz telah pernah diletakkan di bawah Yayasan Sultan Haji Hassanal

Bolkiah. Maka dalam usianya tiga puluh tahun yang disambut dengan bersimposium sekarang ini sesungguhnya Institut Tahfiz Al-Qur'an telah dipercayakan untuk mengurus-kendalikannya kepada tiga entiti yang berlainan namun sama berwibawa iaitu mulanya kepada Kementerian Pendidikan kemudian kepada Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan akhirnya kepada Kementerian Hal Ehwal Ugama.

5. Penting pula disebutkan dalam bersimposium sempena tiga puluh tahun pendidikan tahfiz Al-Qur'an di negara ini bahawa pada sepuluh tahun yang lalu (tahun 1435H) Institut Tahfiz negara kita iaitu Institut Tahfiz Al-Qur'an Sultan Haji Hassanal Bolkiah telah mendapat pengiktirafan luar negara sebagai *Ma'had Tahfiz Al-Qur'an Al-Karim Mithali* dengan menerima *Anugerah Antarabangsa His Majesty King Abdullah bin Abdulaziz Al-Saud*. Pengiktirafan itu menilai tinggi sistem dan mutu pengajiannya sumbangannya kepada mesyarakat negara Brunei Darussalam.

6. Pengiktirafan seumpama itu adalah penting dalam kita sendiri menilai pula usaha-usaha seterusnya bagi mengembang majukan Institut Tahfiz Al-Qur'an yang ditubuhkan dengan hasrat murni yang dititahkan oleh Raja dan Wali al-Amri kita dalam bernegara dan berpemerintahan iaitu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada tahun 1993 dan seterusnya pada tahun 2006 seperti yang dibentangkan itu tadi.

7. Sesungguhnya kita boleh menyebutkan dengan perasaan lega betapa misalnya pada awal penubuhannya, Institut Tahfiz Al-Qur'an yang kita sambut tiga puluh tahun usianya hanya menawarkan pengajian peringkat menengah sahaja. Kemudian pada tahun 2010 iaitu setelah empat tahun di bawah kendalian urus Kementerian Hal Ehwal Ugama ia menawarkan pengajian peringkat Diploma 'Aliyah Qiraat yang setaraf dengan National Diploma (ND). Dan seterusnya pada tahun 2023, tahun lepas, ia telah menawarkan pengajian peringkat Diploma Tertinggi Qiraat, setaraf dengan Higher National Diploma.

8. Demikian juga untuk kita menyebutkan dengan perasaan lega bahawa sejak tahun 2010 hingga tahun 2024 ini sudah ada seramai 243 graduan yang telah menamatkan pengajiannya dan telah dira'ikan dalam Haflat Takharruj. Sebahagian besar daripada mereka itu, iaitu seramai 232 orang adalah lulus dalam ujian tasme' menghafaz Al-Qur'an kali pertama tahun 2024, iaitu seramai 75 orang dalam kategori 30 juz, 33 orang dalam kategori 20 juz dan 124 orang dalam kategori 10 juz. Kesemua mereka dianugerahkan elaun bulanan Skim Galakan Menghafaz Al-Qur'an yang dikendalikan oleh Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Qur'an, MABIMS, Kementerian Hal Ehwal Ugama, yang kadarnya mengikut kategori masing-masing.

9. Demikian pula kita dengan berperasaan lega dan mengalu-alukan dengan gembira apabila kita mendapati lepasan-lepasan Institut Tahfiz di kalangan pegawai-pegawai dalam bidang perkhidmatan awam dan swasta selain daripada perkhidmatan ugama, bahkan dalam perkhidmatan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei. Hal itu menunjukkan kejayaan atau keberhasilan struktur pengajian di Tahfiz Al-Qur'an yang memberikan pelajar peluang mengembangkan potensi pendidikannya yang kemudian akan mempengaruhi potensi kerjaya atau profesyen mereka.

10. Struktur pengajian yang dimaksudkan ialah dengan mengintegrasikan mata-mata pelajaran peringkat menengah ugama untuk *Sijil SPUB* dan *Sijil STPUB* dengan mata-mata pelajaran peringkat menengah untuk *Sijil Peringkat 'O'* dan *Sijil Peringkat 'A'* dalam Sistem Pendidikan Nasional kita. Kita menyebutkan dengan perasaan lega kerana hal ini menepati antara tujuan penubuhan Institut iaitu *menjadikan hafaz Al-Qur'an sebagai satu kelebihan bagi pelajar-pelajar yang akan melanjutkan ke peringkat tinggi sama ada dalam bidang ibadat (theology) mahupun di bidang sains dan teknologi*, sebagaimana dimaktubkan dalam para (d) *Garis Panduan Lembaga Institut*. Dan banyak lagi boleh disebutkan dengan perasaan lega namun dengan keinsafan bahawa banyak pula yang boleh diusahakan untuk menambah kadar dan nilai hasil kejayaan yang sudah dicapai.

11. Oleh itu saya berharap bahawa sempena baik *Simposium 30 Tahun Pendidikan Tahfiz Al-Qur'an di negara Brunei Darussalam* ini akan mengilhamkan kita yang diamanahkan mengurus kendalikan Institut Tahfiz Al-Qur'an Sultan Hassanal Bolkiah sejak tahun 2006 untuk sentiasa memikirkan bagi mencapai hasrat dan harapan murni penubuhannya. Sesungguhnya untuk itu kita disediakan dengan *Garis Panduan Lembaga Institut, 2006* yang mensenaraikan tujuh perkara tujuan penubuhannya iaitu tujuh perkara berupa pelengkap kepada tujuan atau tujuan-tujuan yang diketahui sebelumnya.

12. Demikianlah. Dalam usaha kita seterusnya itu kita berdoa semoga Allah *Subhanahu wa Ta'ala* akan mentaufeqkan kita ke arah yang diredhai-Nya.

وبالله التوفيق والهداية  
والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

*Terima kasih.*

- Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia  
Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah  
Dato Paduka Haji Awang Othman,  
*Menteri Hal Ehwal Ugama.*

Pejabat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Rabu, 04hb Muharram 1446 / 10hb Julai 2024.

Nota:

**Garis Panduan Lembaga Institut Tahfiz Al-Qur'an**  
**Sultan Haji Hassanah Bolkiah, 2006.**

- a. Menunaikan dan melaksanakan salah satu daripada tuntutan Fardhu Kifayah;
- b. Menambah / Melahirkan para Hafiz Al-Qur'an;
- c. Memelihara / Menjaga Kesucian dan Keaslian daripada sebarang perubahan, pindaan dan pengurangan;
- d. Menjadikan Hafaz Al-Qur'an sebagai satu kelebihan bagi pelajar-pelajar yang akan melanjutkan ke peringkat tinggi samada dalam bidang ibadat (theology) mahupun dibidang sains dan teknologi;
- e. Mendapatkan Kemanfaatan dan Syafa'at Daripada Kitab Suci Al-Qur'an;
- f. Ke arah Menghayati Kitab Suci Al-Qur'an Panduan Hidup yang kekal dan tepat; dan
- g. Melahirkan Akhlak Al-Qur'an sebagaimana yang dituntut.